



## Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Awass!!! Jual Beli Online.”

Pada 19 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Ramlawati binti Rohani dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Hassan bin Moosa. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Rizam bin Rahmat, Pegawai Belia & Sukan dari Pusat Kecemerlangan Sukan telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Awass!!! Jual Beli Online.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah supaya kita menyedari terdapat kes penipuan dalam talian ketika kita menjual, membeli barang baru atau barang terpakai. Pembelian secara online amat sinonim pada era pandemik ini. Ramai antara kita yang membuat urusan pembelian atau menjual barangan di Mudah.my.

Ia merupakan pasaran dalam talian di mana orang membeli dan menjual pelbagai jenis barangan seperti peralatan rumah, barangan fesyen dan sebagainya. Perkhidmatan ini membolehkan sesiapa sahaja untuk membeli dan menjual di kawasan masing-masing dengan mudah, tanpa memerlukan kedai fizikal atau syarikat berdaftar.

Sindiket penipuan akan menjalankan operasinya dengan meminta mereka yang leka memasukan duit pendahuluan ke akaun yang disediakan. Sindiket ini mampu menipu duit orang ramai sekiranya kita tidak berhati-hati. Mereka akan meminta maklumat peribadi seperti butiran akaun bank dan nombor kod kebenaran transaksi (TAC) daripada pihak bank.

Oleh itu, kita sebagai pembeli atau penjual wajar mengetahui tip pembelian secara dalam talian iaitu membeli di platform yang dijamin selamat (laman sesawang yang bermula https.), lihat pada penilaian dan komen pengguna, menyemak polisi dan jaminan kedai samada barang rosak boleh dikembalikan dan memulangkan duit kepada pembeli, simpan resit pembelian, patikan harga barang yang munasabah dan perlu buang bungkusan pos dengan betul.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

